

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SELATAN)

TARIKH: 16 OGOS 2019

MUKA SURAT: 36

Sinar NEGERI

Selatan
MELAKA-SJHJH

Sungai busuk, dipenuhi sampah

Sungai Kopok dan Sungai Daing bertukar kehitaman

RAZIATUL HANUMA RAJAK@ATAN

PASIR GUDANG

Penduduk Kampung Perigi Acheh bimbang dua sungai di kampung itu tercemar menyebabkan hidupnya berkurangan.

Kedua-dua sungai iaitu Sungai Kopok dan Sungai Daing yang menjadi sumber rezeki kini bertukar warna dan berbau busuk.

Penduduk mendakwa pembuangan kimia dari hulu Sungai Daing menjadi punca utama selain aliran sisa kimia dari Sungai Kim Kim ketika air pasang dan surut.

Tinjauan *Sinar Harian* bersama beberapa rakan media menyusuri Sungai Kopok hingga ke Sungai Daing dengan menaiki bot mendapati bau menusuk hidung sehingga satu kilometer manakala airnya bertukar kehitaman.

Lebih teruk keadaan air juga



Keadaan air yang keruh dan berbau di kawasan Jeti Sungai Kopok.



Air mengalir masuk ke hulu Sungai Daing menyebabkan permukaan air berbuih.

berminyak dan berbuih malah terdapat banyak benda asing berwarna hitam pekat seolah-olah kerak atau tar terapung.

Kawasan di hulu sungai terdapat air berbuih yang mengalir masuk tanpa henti melalui batu-batu dipercayai daripada kawasan kilang.

Difahamkan kawasan hujung Sungai Daing yang bertembung dengan Sungai Kopok berbau wangi seperti sabun.

Ketika berpatah balik ke Sungai Kopok, pihak media me-

ngesan selonggok besar sampah di sebalik rimbulan pokok namun difahamkan longgokan itu adalah mozek yang dibuang pihak tidak bertanggungjawab.

Terdapat juga dua konkrit paip besar di kawasan longgokan tersebut.

Ketua kampung, Othman Adon berkata, penduduk terpaksa menghidu bau busuk ketika air surut dan beberapa kali hidupan sungai ditemui mati.

"Keadaan sungai semakin teruk sejak 10 tahun lalu," katanya

kepada pemberita ketika ditemui di jeti Kampung Perigi Acheh semalam.

Katanya, Sungai Kopok sebelum ini menjadi tumpuan pelbagai aktiviti air termasuk memancing dan sukan air.

Beliau mahu kerajaan negeri menangani perkara itu kerana bimbang kesihatan penduduk yang berdepan mendapan lumpur.

Sementara itu nelayan, Isma-di Abd Rahim, 45, mengakui terpaksa melakukan kerja lain sejak

dua tahun lalu bagi menyara keluarga akibat kepupusan hasil sungai.

Seorang lagi penduduk di tepi sungai, Ahmad Fauzi Abd Jalil, 44, pula merayu kerajaan menangani isu pencemaran itu kerana bimbang penduduk tidak lagi selamat tinggal di kampung itu.

Sementara, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar ketika dihubungi belum menerima laporan berhubung keadaan sungai tersebut.